



**a n g k a s a**



**PRESIDEN ANGKASA**

## **PERUTUSAN SEMPENA ANUGERAH KECEMERLANGAN KOPERASI SEKOLAH 2017**

*Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,*

“ **KOPERASI PENERAJU KECEMERLANGAN AKTIVITI SEKOLAH**” merupakan tema Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah (AKKS) pada tahun ini yang bersesuaian dengan peranan ANGKASA selaku badan puncak gerakan koperasi di negara ini. ANGKASA sentiasa memberikan sokongan dan dorongan dalam usaha untuk memajukan koperasi sekolah supaya ianya sentiasa seiring dengan keperluan dan kehendak warga koperasi sekolah. Oleh itu, kepelbagaian aktiviti koperasi sekolah dianggap sebagai satu acara yang boleh memenuhi sebahagian keperluan dan kehendak warga koperasi sekolah di samping memenuhi aspirasi kerajaan yang ingin memastikan pembangunan modal insan berbudaya keusahawanan berasaskan pengetahuan (k-ekonomi).

Selain itu juga, bagi memenuhi keperluan dan kehendak warga koperasi sekolah, ANGKASA kini giat membantu koperasi sekolah yang mampu menjana perolehan tahunan koperasi berjumlah RM1 juta setahun. Mengikut statistik Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga 30 Jun 2106 bilangan koperasi sekolah ialah 2,361 buah, bilangan anggota seramai 2.078,224 orang, Syer/Yuran ialah RM24,13 juta, aset berjumlah RM298.55 juta dan perolehan ialah RM245.16 juta dan 2,114 buah sekolah yang mendapat keuntungan. Keuntungan perolehan tahunan yang dijana ini, dapat memberi manfaat kepada warga sekolah dalam pelbagai bentuk melalui tabung-tabung yang diwujudkan oleh koperasi. Selain itu, ia dapat melaksanakan peluang perniagaan baru seperti perniagaan melalui kiosk dan penghasilan produk koperasi sekolah sendiri.

Ini tidak bermakna, ANGKASA mencuba untuk ‘mengkomersialkan’ koperasi sekolah. ANGKASA berpandangan koperasi sekolah berpotensi menjana pendapatan tanpa mengganggu pembelajaran dalam kelas, malah mampu mengasah bakat-bakat keusahawanan dan kemahiran-kemahiran mentadbir, mengurus, berniaga, membuat kira-kira dan dapat memupuk pelbagai nilai – nilai murni berdasarkan prinsip dan jatidiri koperasi dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Ingin saya tegaskan di sini, konsep pembangunan koperasi sekolah yang dilaksanakan oleh ANGKASA masih tetap mengekalkan matlamat asal, iaitu untuk memberi latihan, pendidikan dan pengalaman keusahawanan secara langsung kepada pelajar-pelajar. Pengalaman yang diperolehi ini diharap dapat membuka minda mereka untuk menjalankan perniagaan sendiri atau menubuhkan koperasi. Ini bukan sahaja dapat membantu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru malah dapat mengurangkan kebergantungan generasi muda untuk bekerja makan gaji.

Oleh itu, pengiktirafan *International Co-operative Alliance* (ICA) terhadap gerakan koperasi sekolah juga dapat meningkatkan imej dan identiti koperasi sekolah di peringkat antarabangsa. ANGKASA selaku badan puncak koperasi sentiasa memainkan peranan untuk menggerakkan koperasi sekolah selaras dengan tuntutan semasa. Dalam usaha tersebut, ANGKASA tanpa rasa jemu terus mempromosikan nilai berkoperasi; SADIK, AMANAH, TELUS kerana dengan nilai inilah semua perkara termasuk usaha membangunkan koperasi sekolah untuk dijadikan sebagai persekitaran yang boleh mendorong anggota koperasi berfikir secara kreatif dan inovatif untuk dijayakan pada masa kini dan hadapan.

Semoga sambutan HKS pada tahun ini dapat dijadikan asas kukuh kepada pihak pengurusan koperasi untuk mencanangkan kewujudan dan peranan koperasi sekolah seterusnya dapat menggembleng penyertaan menyeluruh yang meliputi pelajar, guru, kakitangan, PIBG dan masyarakat setempat dalam amalan berkoperasi. Sekian Terima Kasih.



**DATO' HJ ABDUL FATTAH HJ ABDULLAH**  
**Presiden ANGKASA**